

**Sektor Komoditi Negara Perlu Diberi Nilai Tambah - Najib
Bernama
13 Julai, 2013**

PEKAN, 13 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata Malaysia tidak boleh selamanya bergantung kepada pengeluaran komoditi semata-mata, sebaliknya perlu memberi nilai tambah kepada peringkat awal pengeluaran komoditi sehingga ke peringkat memasarkannya.

Beliau berkata sektor pekebun-pekebun kecil misalnya, perlu lebih produktif, mengamalkan urus tadbir yang cekap serta pelbagaikan kegiatan dan aktiviti yang mempunyai nilai tambah terhadap pengeluaran komoditi itu.

"Kalau kita tidak mahu berada di takuk lama, dan kita mahu generasi baharu melihat sektor pekebun kecil dan komoditi ini lebih produktif, maka cabarannya ialah pekebun kecil mestilah lebih berdaya saing dan lebih dinamik lagi," katanya ketika berucap pada majlis penyampaian dividen Risda dan pelancaran program generasi muda pekebun kecil peringkat nasional, di sini Sabtu.

Perdana menteri berkata negara-negara di Afrika misalnya, sekalipun mempunyai banyak hasil minyak dan galian, namun kebergantungan kepada pengeluaran komoditi semata-mata, tidak akan menjadikan sesebuah negara itu maju.

Beliau berkata jika Malaysia juga kekal bergantung kepada pengeluaran komoditi semata-mata, ia akan terus berkait rapat dan bergantung kepada keadaan ekonomi dunia.

"Baru-baru ini kerajaan meluluskan Bantuan Khas Kejatuhan Harga Getah RM500 secara 'one-off', pemberian itu merupakan langkah kerajaan bagi meringankan beban kos sara hidup pekebun getah yang terjejas akibat kejatuhan harga getah," katanya.

Justeru itu, perdana menteri berkata pekebun kecil perlu proaktif dalam mempelbagaikan dan memberi nilai tambah kepada aktiviti ekonomi mereka kerana kebergantungan kepada pengeluaran komoditi tidak akan menjamin pendapatan tinggi yang berterusan.

Pada majlis itu Najib mengumumkan Risda telah memberi dividen berjumlah RM193.5 juta untuk 16,080 peserta Rancangan Tanah Baharu Berkelompok dan 41,675 peserta Tanam Semula Komersil.

Perdana menteri berkata kerajaan juga bersedia memberi peruntukan sebanyak RM10 juta menerusi Risda untuk melaksanakan program generasi muda pekebun kecil dalam Belanjawan 2014 nanti.

"Selain itu kerajaan akan sediakan Skim Basiswa Anak Pekebun Kecil Risda untuk beri bantuan kewangan kepada anak-anak pekebun kecil berpendapatan rendah, berpotensi dan berdaya maju," kata Najib.

Beliau berkata sebagai permulaan seramai 2,000 pelajar anak-anak pekebun kecil akan mendapat bantuan RM50 sebulan.

"Seramai 2,000 pelajar Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) akan terima bantuan RM50 sebulan pada tahun mereka mengambil peperiksaan," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=963039>